

Tangani segera kekurangan pensyarah

MASALAH kekurangan pensyarah perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mampu diatasi sekiranya kerajaan bersikap lebih proaktif bagi menanganinya, kata Pengerusi Majlis Naib Canselor IPTA, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman.

Beliau yang juga Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, jika kekurangan itu dikenal pasti berpunca daripada kurang minat menjadi pensyarah bidang berkenaan kerana tidak menawarkan

pendapatan dan insentif menarik, maka ia perlu diatasi dengan memperbaiki skim perkhidmatannya.

Justeru, katanya, langkah segera seperti kenaikan gaji dan pemberian insentif lebih baik perlu dilakukan sebagai satu tarikan, daripada mendapatkan tenaga pengajar asing yang lebih mahal serta bersifat penyelesaian sementara.

"Kerajaan sedar negara memerlukan jumlah doktor yang ramai bagi memenuhi keperluan masa kini dan masa depan. Antara usaha yang di-

ambil kerajaan sekarang ialah menyediakan biasiswa kepada pensyarah muda untuk melanjutkan pengajian perubatan ke peringkat sarjana dan doktor falsafah di dalam dan luar negeri.

"Walaupun usaha itu mengambil masa empat hingga lima tahun, namun ia sekurang-kurangnya mampu menyelesaikan masalah itu daripada terus meruncing," katanya.

Beliau berkata, nisbah pengajar dan pelajar perubatan di IPTA yang ideal ialah seorang pensyarah bagi

lima atau enam pelajar bagi memastikan proses pengajaran dan penyelidikan yang mantap bagi melahirkan golongan doktor berkualiti dan profesional.

Katanya, langkah itu perlu diperkukuhkan dengan penyediaan kemudahan infrastruktur penyelidikan, keperluan tenaga pengajar dan latihan klinikal yang membabitkan kos mahal.

"Kemudahan ini penting bagi membolehkan pelajar perubatan mendapat pendedahan berhubung

persekitaran sebenar kerajaan bidang perubatan, di samping dapat mengamalkan ilmu dipelajari itu dengan lebih praktikal dan efektif.

"Oleh itu, tidak hairanlah mengapa semua Fakulti Perubatan di IPTA meletakkan syarat kelayakan yang ketat bagi memastikan pelajar yang benar-benar cemerlang saja diberi peluang mengikuti program ini", katanya ketika dihubungi Be-



Dr Abu Hassan Othman

rita Harian, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Pengerah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Hassan Said berhubung kekurangan pensyarah perubatan menjadi antara penyebab mengapa kerajaan menghadkan pengambilan pelajar jurusan perubatan sesi 2004/2005, iaitu 779 pelajar saja tahun ini.